

MARRIAGE IS A GRAND, DIVORCE IS A HUNDRED GRAND (Hak-Hak Dan Tuntutan Selepas Perceraian)



Pengendali : Faizal Arif Tajul Ariffin
Peguambela & Peguamcara/Peguam Syarie
Tawfeek Badjenid & Partners

MUKADIMAH

Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan purata kes perceraian yang direkodkan sepanjang tahun 2014 2017 adalah sebanyak **50,978** kes setahun bagi pasangan Islam , manakala pasangan bukan Islam dalam tempoh yang sama adalah 9,933 kes setahun.

Trend terbaru punca perceraian yang dilaporkan di Parlimen disebabkan oleh perkara perkara remeh yang berpunca daripada sikap pasangan sehingga mendorong kepada perceraian Antara kes yang pernah dilaporkan ialah isteri suka membasuh baju pada waktu malam suka mengikuti rombongan beramai ramai suami tidak suka isteri makan dalam kereta gaji suami lebih rendah daripada isteri dan pasangan tidur berdengkur

BENTUK-BENTUK CERAI

1. Lafaz Cerai Oleh Suami
2. Cerai Melalui Perintah Mahkamah
 - a) Fasakh
 - b) Ta'liq
 - c) Khulu' (Tebus Talak)
 - d) Lafaz Talak Melalui Perintah Mahkamah (S47 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam)

LAFAZ CERAI OLEH SUAMI

1. **Lafaz Sarih (Jelas)** : Menggunakan perkataan talaq(cerai) atau firaq (perpisahan) atau sarah (cerai) – tidak memerlukan niat
2. Lafaz Kinayah (Tidak Jelas/Sindiran) – memerlukan pembuktian niat
 - ▶ Cerai melalui tulisan (whatsapp, SMS, surat)

LAFAZ CERAI OLEH SUAMI

1. Talaq Raj'ie : yang boleh dirujuk (Talaq 1 & 2)
2. Talak Ba'in : suami tiada kuasa mengembalikan isteri kepada hubungan perkahwinan melainkan setelah berlaku 'aqad yang baru atau syarat tertentu dipenuhi.

2 jenis Talaq Ba'in:

- i) Ba'in Sughra (perlu akad nikah semula)
- ii) Ba'in Kubra

LAFAZ CERAI OLEH SUAMI

Talaq Ba'in Sughra

1. Talaq sebelum persetubuhan
2. Talaq raj'i yang tidak dirujuk dan telah tamat tempoh iddah
3. Tebus Talak (Khulu')
4. Fasakh

LAFAZ CERAI OLEH SUAMI

Talaq Ba'in Kubra

1. Talaq 3
2. Li'an (Menuduh Isteri Berzina/Denial of Paterniti)

FASAKH

1. Bermaksud pembubaran atau pembatalan perkahwinan oleh perintah kehakiman. Seseorang isteri boleh membuat permohonan fasakh kepada Mahkamah Syariah.

2. *Alasan-Alasan Fasakh*
 - i. Suami gagal memberi nafkah
 - ii. Suami tidak menunaikan nafkah batin
 - iii. Suami zalim fizikal dan mental
 - iv. Suami berperangai Buruk
 - v. Suami berpenyakit

FASAKH

3. Tuntutan fasakh memerlukan keterangan dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki dan dua saksi perempuan, menimbulkan kesukaran kepada isteri

TA'LIQ

1. Talaq bersyarat (Mu'allaq)
2. Iaitu talaq yang dijatuhkan di atas sesuatu perkara tertentu pada masa akan datang dengan menggunakan pensyaratan ta'liq
Eg: "Jika kamu keluar rumah tanpa izin, kamu tertalaq"
Eq: "Jika saya pergi ke rumahnya, kamu tertalaq"
3. Mazhab empat: Jatuh talaq yang tergantung bila wujud tempat pergantungannya

TA'LIQ

Contoh Ta'liq

Saya mengaku apabila tinggalkan isteri saya _____(nama) selama empat bulan Hijrah berturut-turut atau lebih dengan sengaja atau paksaan, dan saya atau wakil saya tiada memberi nafkah kepadanya selama tempoh masa yang tersebut padahal ia taatkan saya atau saya melakukan sebarang mudarat kepada tubuh badannya, kemudian ia mengadu kepada Mahkamah Syariah, dan apabila sabit aduannya di sisi mahkamah syariah, ia memberi kepada Mahkamah Syariah yang menerima bagi pihak saya satu ringgit, maka ketika itu tertalaq ia dengan cara talaq khulu'.

KHULU' (TEBUS TALAK)

1. Bermaksud perceraian antara suami isteri dengan bayaran atau tebusan dengan menggunakan lafaz talaq atau lafaz khulu' (Mazhab Shafi'e)
2. Perceraian dengan bayaran di buat oleh isteri kepada suami

TUNTUTAN SELEPAS PERCERAIAN

1. Tuntutan Nafkah
 - i. 'Iddah
 - ii. Tertunggak
2. Harta Sepencarian
3. Muta'ah
4. Hak Jagaan Anak (Hadhanah)

NAFKAH

1. Hak hak yang diwajibkan kerana hubungan pernikahan ada 7 iaitu makanan, barangan keperluan masakan, pakaian, alat-alat kebersihan, perabot rumah tangga, tempat tinggal dan pembantu (jika perlu) – Mughni Al-Muhtaj
2. Isteri berhak untuk menuntut nafkah yang tertunggak sebagai hutang, selanjutnya boleh dituntut dari pusakanya
3. Tuntutan disertai bukti
4. Kes **Rita Rudaini vs Aidil Zafuan** (RM68,530.00 utk 20 bulan)
5. Turut mengambil kira kemampuan suami dan keperluan isteri

NAFKAH

6. Bergantung kepada amalan semasa masyarakat setempat
7. Mahkamah boleh mengeluarkan perintah penahanan pendapatan atau potongan gaji
8. Hak nafkah isteri gugur sekiranya **nusyuz** iaitu:
 - i. Menjauhkan diri dari suami;
 - ii. Meninggalkan rumah suami bertentangan dengan kemahuan suami; atau
 - iii. Enggan berpindah bersama suami ke tempat lain, tanpa alasan sah dari segi syarak

NAFKAH

NAFKAH 'IDDAH

Tempoh 'iddah

1. Bagi perempuan yang masih ada haid, 'iddahnya 3 kali suci haid.
2. Bagi perempuan yang belum dating haid atau belum cukup umur atau telah putus haid (menopause), tempoh 'iddahnya adalah 3 bulan.
3. Bagi perempuan yang mengandung, tempoh 'iddahnya adalah sehingga dia melahirkan anak tersebut.
4. Bagi perempuan yang tidak pernah disetubuhi, tiada tempoh 'iddah.

NAFKAH

NAFKAH 'IDDAH

Tempoh 'iddah

5. Bagi perempuan yang kehilangan suami:
 - i. Jika perempuan itu tidak mengandung, 'iddahnya adalah selama 4 bulan 10 hari.
 - ii. Jika perempuan itu mengandung, 'iddahnya sehingga melahirkan anak

NAFKAH

NAFKAH 'IDDAH

1. Tuntutan nafkah 'iddah kebiasaannya dibuat selepas pemfailan cerai. Kebanyakan isteri akan menuntut nafkah selepas penceraian
2. Permohonan nafkah 'iddah boleh dilakukan setelah selesainya hal perceraian dan surat perakuan perceraian (Sijil Cerai) telah dikeluarkan.
3. Penuntut hendaklah memastikan bahawa tuntutan tersebut dapat dibuktikan dengan bukti seperti resit-resit yang dikeluarkan untuk pengajian anak-anak, perubatan rawatan, dll.

NAFKAH

NAFKAH TERTUNGGAK

1. Nafkah tertunggak ialah apabila suami gagal menjalankan tanggungjawabnya dalam memberikan nafkah kepada isteri, dalam bentuk zahir mahupun batin, semasa tempoh perkahwinan tersebut.
2. Seorang isteri boleh menuntut nafkah tertunggak Ketika masih berkahwin dengan suaminya ataupun Ketika sudah bercerai, bekas isteri boleh menuntut nafkah tertunggak daripada bekas suaminya.
3. Pihak Mahkamah boleh memerintahkan suami/bekas suami membayar nafkah tertunggak kepada isteri/bekas isteri mengikut kemampuan suami/bekas suami dan keperluan isteri/bekas isteri tersebut kerana ianya dikira sebagai hutang yang wajib dibayar oleh suami/bekas suami. Seorang isteri tidak perlu menunggu proses penceraian berlaku untuk menuntut nafkah tertunggak daripada suaminya

NAFKAH

NAFKAH ANAK

1. Bapa bertanggungjawab sepenuhnya untuk memberikan nafkah dan tanggungjawab ini tidak boleh dikongsi dengan orang lain.
2. Sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandangkan kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.
3. Kewajipan bapa terhadap anaknya tidak akan terhenti meskipun selepas berlakunya pembubaran perkahwinan

NAFKAH

NAFKAH ANAK

4. Para ulama sepakat mengatakan bahwa anak yang berhak memperoleh nafkah terdiri daripada **anak yang tidak mempunyai harta untuk menanggung diri mereka sendiri** dan juga **tidak mampu untuk mencari sumber pendapatan bagi menyara kehidupannya**
5. Untuk menuntut nafkah anak di Mahkamah, isteri hendaklah mendapatkan hak penjagaan (hadhanah) ke atas anak-anak dari mahkamah.

HARTA SEPENCARIAN

- I. Harta yang diperolehi si mati **DALAM TEMPOH PERKAHWINAN**. Juga termasuk harta yang diperolehi sebelum berkahwin tetapi telah dimajukan atau ditingkatkan nilainya dalam masa perkahwinan hasil usaha bersama atau sumbangan bersama mereka, iaitu sumbangan daripada suami dan isteri terhadap perolehan harta itu, sama ada secara langsung ataupun tidak.

Sumbangan Langsung adalah dalam bentuk sumbangan yang jelas dan hakiki sama ada modal dalam bentuk wang ringgit dan usaha sama antara suami dan isteri terhadap perolehan satu-satu harta.

Sumbangan Tidak Langsung adalah sumbangan bersifat subjektif yang berbentuk keikhlasan, kasih sayang, kesetiaan, ketaatan dan sebagainya yang memberi kesan kepada kebahagiaan rumah tangga, ketenangan jiwa dan minda pasangan dalam memberi kesan kepada perolehan harta.

HARTA SEPENCARIAN

2. Harta Sepencarian adalah satu hak untuk pasangan suami isteri yang mana hak ini hanya akan diperolehi melalui tuntutan. Sekiranya tiada tuntutan, maka masing-masing tidak akan mendapat hak mereka. Boleh dituntut oleh pasangan si mati (suami/isteri)
 - a) Perceraian
 - b) Kematian
 - c) Poligami

3. Perintah Harta Sepencarian akan diberi oleh Mahkamah Syariah, selepas menilai sumbangan pasangan si mati dalam memperolehi harta tersebut Umumnya, nilai adalah di antara **30% ke 50%** harta si mati

HARTA SEPENCARIAN

4. Faktor utama yang dipertimbangkan oleh mahkamah ialah tempoh perkahwinan dan takat sumbangan pasangan suami isteri bagi memperoleh harta berkenaan, ia termasuklah sumbangan secara langsung atau tidak langsung.
5. Oleh itu, pihak Penuntut mestilah mengemukakan bukti atau saksi bagi meyakinkan mahkamah bahawa beliau telah sama-sama memberi sumbangan ke atas perolehan harta yang dituntut.
6. Disahkan menerusi **PERINTAH HARTA SEPENCARIAN** di Mahkamah Syariah

HARTA SEPENCARIAN

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)

1. Harta berupa caruman wang KWSP si mati tidak boleh dianggap sebagai harta sepencarian melalui sumbangan secara tidak langsung, sebaliknya, ia menjadi harta pusaka yang mesti dibahagikan mengikut hukum faraid.
2. KWSP adalah harta milik peribadi pencarum dan hanya pencarum yang mempunyai hak mutlak ke atas wang itu.

MUTA'AH

1. Bayaran suguhati yang diberi dari segi Hukum Syara' kepada isteri yang diceraikan.
2. Bertujuan untuk meringankan sedikit beban yang ditanggung oleh bekas isteri akibat diceraikan oleh bekas suaminya.
3. Perceraian berpunca dari suami yang mewajibkannya membayar mutaah, iaitu ada 5:
 - i. talaq;
 - ii. li'an;
 - iii. Suami murtad;
 - iv. Fasakh nikah disebabkan aib suami yang berlaku sebelum akad nikah; dan
 - v. fasakh nikah kerana pemeluk Islam oleh suami dan isteri kekal tidak Islam.

MUTA'AH

4. Tiada jumlah yang tetap untuk pembayaran Muta'ah. Pembayaran Muta'ah berdasarkan jumlah yang disepakati antara suami dan isteri. Walau bagaimanapun, jika berlaku pertelingkahan dalam menentukan kadar Muta'ah antara kedua pihak, hakim hendaklah menentukan kadar Muta'ah berpandukan nilai kedudukan kaya miskinnya suami dan sifat serta kedudukan isteri. Sifat ialah perwatakan dan keadaan ialah kedudukan keluarga atau status keluarga dalam masyarakat. Kaya dan miskin ialah nilai semasa dari segi perolehan dan pemilikan.
5. Hak Muta'ah gugur akibat
 - i. Nusyuz;
 - ii. Isteri yang diceraikan sebelum bersetubuh dan maskahwin disebut dalam akad;
 - iii. Murtad
 - iv. Perceraian secara Khulu' (Tebus Talak)

HAK JAGAAN ANAK (HADHANAH)

1. Prinsip asas, hak jagaan kepada **IBU** sehingga mumaiyyiz (7 – 10 tahun)
2. Undang-Undang Syariah negeri memperuntukkan bahawa **IBU** adalah paling berhak dari segala orang bagi menjaga anak kecilnya dalam masa ibu itu masih dalam perkahwinan dan juga selepas perkahwinannya dibubarkan
3. Syarat2
 - i. Islam
 - ii. Sempurna Akal
 - iii. Berkelakuan Baik
 - iv. Tempat Tinggal Yang Baik

HAK JAGAAN ANAK (HADHANAH)

4. Walaupun ibu merupakan orang yang berhak terhadap hak hadanah, **namun sekiranya hak ini bertembung dengan kepentingan dan kebajikan anak, maka kebajikan anak itulah yang diutamakan**, bahkan hak anak adalah lebih besar daripada hak orang yang berhak untuk mendapatkan hadanah dan hak ini tidak akan terlucut daripada anak tersebut
5. Kanak-Kanak yang mumaiyyiz boleh memilih dengan siapa dia ingin tinggal Bersama
6. Mahkamah memberi perhatian kepada kemahuan- kemahuan kanak-kanak itu, jika dia telah meningkat umur dapat menyatakan sesuatu pendapatnya sendiri.
7. Mengelakkan gangguan emosi dan trauma kepada kanak-kanak

HAK JAGAAN ANAK (HADHANAH)

8. Hak Hadhanah Ibu gugur akibat:
 - i. Ibu berkahwin semula;
 - ii. Ibu berkelakuan buruk;
 - iii. Ibu menukar pemastautinannya dengan tujuan menghalang pengawasan bapa;
 - iv. Ibu murtad; dan
 - v. Ibu mencuai dan menganiaya anak

HAK JAGAAN ANAK (HADHANAH)

PEREBUTAN ANAK DALAM PERKAHWINAN MELIBATKAN WARGA ASING & PASANGAN LAIN AGAMA

1. Melibatkan perkahwinan berlainan bangsa dan kewarganegaraan
2. Mahkamah berkuasa untuk mengeluarkan perintah melarang orang yang diberi hak jagaan itu daripada membawa kanak-kanak itu keluar dari Malaysia.
3. Mahkamah juga berkuasa untuk menghalang anak dibawa keluar dari Malaysia melalui permohonan injunksi

ISU-ISU BERKAITAN

ANAK TIDAK SAH TARAF

1. Anak yang dilahirkan dari perhubungan yang tidak sah disisi Hukum Syarak (Luar Nikah) samada akibat daripada zina atau rogol dan anak tersebut lahir kurang dari enam bulan Hijrah dari tarikh perkahwinan atau seseorang anak yang dilahirkan selepas empat tahun pembubaran perkahwinan disebabkan kematian suami atau perceraian dan ianya tidak berkahwin semula.
2. Komplikasi penamaan & penasaban bapa di Sijil Kelahiran. Perlu perintah Mahkamah untuk dinasabkan kepada bapa kandung. Tanpa perintah Mahkamah, anak tidak sah taraf dibinkan kepada Abdullah atau dinasabkan kepada ibu
3. Hadhanah anak tidak sah taraf diberikan kepada ibu atau saudara mara ibu

ISU-ISU BERKAITAN

ANAK TIDAK SAH TARAF

4. Nafkah tanggungjawab ibu.
5. Anak tak sah taraf tidak terputus hubungan dengan ibunya dan kedua-duanya boleh mewarisi antara satu sama lain.
6. Hadhanah anak tidak sah taraf diberikan kepada ibu atau saudara mara ibu
7. Hak perwaliannya terserah pada ibu. Jika anak perempuan, maka dalam perkahwinan ia dipegang oleh wali hakim

ISU-ISU BERKAITAN

PERKAHWINAN LUAR NEGARA

1. Lazimnya melibatkan poligami atau perkahwinan yang tidak dipersetujui wali
 - i. Permohonan Perkahwinan
 - ii. Pengesahan Perkahwinan

ISU-ISU BERKAITAN

PERKAHWINAN LUAR NEGARA

2. Tanpa kebenaran Mahkamah, merupakan kesalahan jenayah Syariah
3. Perkahwinan di luar negara perlu didaftarkan di dalam negara
4. Perkahwinan di luar negara yang tidak didaftarkan, dianggap tidak sah dari segi undang-undang dan tidak berkesan
 - i. Urusan Pusaka
 - ii. Pendaftaran pampasan kematian

ISU-ISU BERKAITAN

POLIGAMI

1. Mesti mendapatkan perintah Mahkamah
2. Kemampuan untuk berlaku adil mengikut hukum syarak
3. Dengan pengetahuan isteri semasa
4. Isteri semasa berhak membuat permohonan berasingan

SOAL JAWAB



Tawfeek Badjenid & Partners

ADVOCATES & SOLICITORS, SYARIE COUNSEL. PEGUAMBELA & PEGUAMCARA, PEGUAM SYARIE



FAIZAL ARIF BIN TAJUL ARIFFIN
PARTNER(PETALING JAYA BRANCH)
H/P : 012- 493 5770
faizal@tbplaw.com.my